

Agong, Permaisuri Hadir Santapan malam Sempena Mesyuarat ke-235 Majlis Raja-raja

Bernama

Jun 18, 2014

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berkenan berangkat ke majlis santapan malam sempena Mesyuarat Ke-235 Majlis Raja-Raja di Istana Negara di sini, malam ini.

Turut berangkat pada majlis itu ialah kesemua Raja-raja Melayu kecuali Sultan Kelantan Sultan Muhammad V, Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin dan Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Turut hadir Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Abdul Rahman Abbas, Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yaakob, Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin dan Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Abdul Taib Mahmud.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor serta menteri besar, ketua menteri dan isteri masing-masing juga menghadiri santapan malam itu.

Tuanku Abdul Halim dijadual berangkat menghadiri hari kedua mesyuarat itu esok.

Mesyuarat Majlis Raja-raja hari ini dipengerusikan oleh Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang diiringi Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1047516>